

Tingkatkan pelaburan, kerjasama ekonomi

UTUSAN

KUALA LUMPUR 25 Nov. - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Malaysia perlu mengambil langkah proaktif untuk mengekalkan momentum perdagangan supaya pelaburan asing tetap masuk dan terus mendapat akses kepada pasaran luar negara untuk mengeksport barangan.

Disebabkan itu, kata Perdana Menteri, beliaut kini aktif dalam usaha mencari pelabur serta meningkatkan kerjasama ekonomi dengan negara-negara lain bagi meningkatkan pelaburan dan membuka pasaran eksport untuk Malaysia.

Najib berkata, ini kerana dalam era globalisasi perdagangan antarabangsa adalah sangat penting dalam memacu arus pemodenan negara.

Katanya, sektor eksport negara sangat pesat di mana barangan dan perkhidmatan sangat tinggi permintaannya di pasaran antarabangsa, malah telah menjana pendapatan yang sangat lumayan dan membuka puluhan ribu peluang pekerjaan.

"Usaha mencari pelaburan dan meningkatkan kerjasama ekonomi ini berjalan lancar dan

Malaysia akan terus mengecapi pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat dan mampu membuka peluang pekerjaan yang banyak kepada rakyat.

"Ia sangat penting bagi meningkatkan taraf hidup rakyat," katanya melalui catatan di laman blog *najib.razak.com* hari ini.

Menurut beliau, beberapa negara maju dunia seperti Amerika Syarikat dan Britain kini ingin meningkatkan dasar perlindungan ekonomi di negara mereka.

"Apabila perkara tersebut berlaku, ramai pelabur beranggapan bahawa aliran taburan tunai khususnya di negara-negara Asia akan mula perlahan. Kesannya, kita lihat banyak negara menerima tempias ke atas pasaran saham serta nilai mata wang mereka dan Malaysia tidak terkecuali," jelasnya.

Beliau memberitahu, jumlah pendapatan negara telah berkurang kira-kira RM40 bilion akibat kejatuhan harga minyak mentah dunia dan jika negara tidak mengekalkan aktiviti perdagangan antarabangsa pada kadar yang sihat, kesannya akan lebih ketara terhadap pendapatan.